



جَبَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِيسْلَامِ نَغِيرِي سَابَاهِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اُخْطَبَةُ الْجُمُعَةِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

19 RAJAB 1447H / 09 JANUARI 2026M

“BULAN RAJAB: PERSEDIAAN MENUJU RAMADAN”

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ وَقَتِلُوا
الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا يَقْتُلُونَكُمْ كَافَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَأَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
كَمَا قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan apa jua yang dilarang-Nya agar kita semua beroleh ganjaran kebaikan sama ada di dunia dan akhirat. Pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk “**BULAN RAJAB: PERSEDIAAN MENUJU RAMADAN**”.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Sedar ataupun tidak, kita sudah berada dalam bulan Rajab iaitu satu daripada empat bulan haram yang ditetapkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah at-Taubah ayat 36 yang khatib bacakan di awal

khutbah tadi **yang bermaksudnya:** *“Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah SWT ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Dia menciptakan langit dan bumi, antaranya empat bulan Haram (dihormati). Ketetapan yang demikian itu ialah agama yang lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangan-Nya)...”.*

Para mufasssiron menafsirkan bahawa empat bulan Haram yang dimaksudkan dalam ayat tersebut ialah bulan Zulkaedah, Zulhijjah, Muharram dan Rajab. Berdasarkan ayat ini, sebagai umat Islam, kita dituntut untuk menghormati bulan-bulan haram dengan menjauhkan diri daripada melakukan perkara kemungkaran dan kemaksiatan yang tentunya akan mencemarkan kemuliaan bulan tersebut. Bahkan, jika disingkap lembaran sejarah awal Islam, masyarakat Jahiliyyah sendiri amat menghormati bulan-bulan Haram. Ini terzahir melalui tindakan mereka mengadakan gencatan senjata meskipun bersifat sementara. Lantas bukankah kita umat Islam yang diangkat sebagai sebaik-baik umat oleh Allah SWT lebih utama untuk memuliakan bulan Rajab ini?

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,

Perlu diingat bahawa kayu ukur yang menentukan sama ada seseorang itu meraih kejayaan atau menemui kegagalan ialah tahap persiapan yang ia rancang sebelum sesuatu tindakan dilakukan. Jika persiapan tersebut dilakukan dengan cuai dan leka, maka pintu kegagalan semakin jelas terbuka. Namun sekiranya persiapan dilakukan dengan penuh teliti dan dalam keadaan siaga, maka sudah tentulah kejayaan yang didamba dapat diraih dengan bijaksana. Demikianlah simbolik bulan Rajab yang dianggap sebagai medan persediaan bagi umat Islam untuk mempersiapkan diri dengan kekuatan jiwa dan ketahanan emosi sebelum

bermujahadah dalam melakukan ibadah dan perkara kebaikan pada bulan Ramadan. Sehubungan dengan itu, antara amalan yang dianjurkan oleh Islam pada bulan-bulan Haram khususnya pada bulan Rajab ialah memperbanyakkan puasa sunat sebagaimana saranan di dalam sebuah hadis daripada Uthman bin Hakim *Radiallahuanhu*:

Maksudnya: *“Aku bertanya kepada Sa’id bin Jubair tentang puasa Rajab, dan kami ketika itu berada pada bulan Rajab. Maka beliau menjawab: Aku mendengar Ibnu Abbas berkata (bahawa): Rasulullah SAW berpuasa sehingga kami menyangka Baginda SAW tidak akan berbuka, dan Baginda SAW juga terus berbuka sehingga kami menyangka Baginda SAW tidak akan berpuasa”.* (Riwayat Muslim).

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Setiap permulaan pasti ada pengakhirannya dan setiap yang hilang pasti ada gantinya. Demikianlah sunnatullah bagi setiap makhluk-Nya. Berakhirnya bulan Rajab akan digantikan oleh bulan Syaaban, dan berlalunya bulan Syaaban menandakan hadirnya bulan Ramadan yakni bulan rahmat dan pengampunan yang didambakan oleh setiap umat Islam. Lantaran itu, kita dianjurkan untuk sentiasa memanjatkan doa agar dikurniakan keberkatan pada bulan Rajab dan Syaaban, seterusnya dianugerahkan peluang menyambut kehadiran bulan Ramadan yang mulia sebagaimana doa yang diajarkan oleh Baginda SAW dalam hadis daripada Anas bin Malik *Radiallahuanhu*:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ رَجَبُ قَالَ : اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبَ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ.

Maksudnya: *“Rasulullah SAW ketika bermulanya bulan Rajab seraya berdoa: Ya Allah, Engkau berkatkanlah kami (limpahkan kasih sayang*

kepada kami) dalam bulan Rajab dan Syaaban; dan temukanlah kami dengan bulan Ramadan". (Riwayat Baihaqi).

MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Menyimpul khutbah pada hari yang mulia ini, marilah kita bersama-sama menginsafi perkara yang berikut:

Pertama: Kita hendaklah memuliakan bulan Rajab dengan menjauhkan diri daripada melakukan perkara kemungkaran dan kemaksiatan.

Kedua: Bulan Rajab merupakan pintu persediaan kita semua selaku umat Islam bagi mempersiapkan diri kita untuk bermujahadah dalam melakukan ibadah dan perkara kebaikan pada bulan Ramadan.

Ketiga: Marilah kita mengamalkan doa yang diajarkan oleh Rasulullah SAW khususnya pada bulan Rajab ini dengan bersungguh-sungguh dan penuh pengharapan. Ingatlah bahawa insan yang berjaya dalam hidupnya ialah mereka yang bijaksana dalam merancang setiap tindakan. Renungkanlah firman Allah SWT dalam surah an-Najm, ayat 39:

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَى ﴿٣٩﴾

Maksudnya: "Dan bahawa sesungguhnya manusia tidak memperoleh selain apa yang diusahakannya."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, tolonglah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau pelindung, penolong, pembantu dan penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan guncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat

yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah, berkatilah kami serta limpahkan kasih sayang-Mu kepada kami dalam bulan Rajab dan Syaaban dan temukanlah kami dengan bulan Ramadan. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.